



SIARAN AKHBAR
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

- 1.** Berikut dengan kenyataan Kementerian Kesihatan semasa Sidang Media pada 11 Ogos 2021 mengenai langkah – langkah pengawalan yang diperketatkan semula di Negara Brunei Darussalam berkaitan Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 dan nasihat-nasihat Kementerian Kesihatan, dengan ini Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan merujuk semula Siaran Akbar Jabatan bertarikh 29 Zulhijjah 1442 bersamaan dengan 9 Ogos 2021 dan ingin membuat pengemaskinian mengenai operasi kaunter-kaunter perkhidmatan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.
- 2.** Makluman pengemaskinian perkhidmatan bagi Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan adalah seperti berikut:
 - 2.1 SEMUA KAUNTER-KAUNTER PERKHIDMATAN di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Cawangan Kuala Belait akan ditutup sementara bermula pada 14 Ogos 2021 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.**
 - 2.2** Kaunter-kaunter perkhidmatan di Cawangan Tutong dan Cawangan Temburong adalah masih beroperasi pada sebelah pagi sahaja bermula 08:00 pagi hingga 11:30 pagi melalui kaedah tempahan awal.
 - 2.3** Urusan kaunter-kaunter perkhidmatan di Cawangan Tutong dan Cawangan Temburong hanya akan menerima permohonan daripada penduduk yang bermastautin di Daerah Tutong dan Temburong sahaja dengan mengambil kira kapasiti yang terhad. Bagi tempahan awal perkhidmatan di kaunter-kaunter perkhidmatan Cawangan Tutong dan Cawangan Temburong bolehlah dibuat semasa waktu bekerja dengan menghubungi:

CAWANGAN	MAKLUMAT PERHUBUNGAN
Tutong	4221476/4221251
Temburong	5221222

2.4 Walaubagaimanapun, perkhidmatan kategori essential akan masih dijalankan di sepanjang tempoh penutupan kaunter-kaunter perkhidmatan orang ramai berkenaan sepertimana berikut:

JENIS PERKHIDMATAN	MAKLUMAT PERHUBUNGAN
Visa atau Pas kerja	<p>Visa Kerja baharu</p> <p>Permohonan visa baharu dan hanya terhad kepada mereka yang telah diberi kebenaran masuk melalui portal Entry Travel Pass.</p> <p>Sila hubungi melalui Aplikasi WhatsApp ke talian 7299551 semasa waktu bekerja.</p>
	<p>Pembatalan Pas Kerja</p> <p>Permohonan pembatalan pas kerja warganegara asing yang akan berlepas keluar dari Negara Brunei Darussalam bolehlah dibuat terus di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.</p> <p>Adalah dinasihatkan bagi warganegara asing untuk datang lebih awal untuk urusan berkaitan.</p> <p>Dokumen yang diperlukan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Surat Permohonan dari Majikan ii. Borang Pembatalan (2 keping) iii. Salinan Tiket Penerangan iv. Salinan Lesen Pekerja Asing (bagi Syarikat)
Visa Lawatan Sosial/ Professional/ Perniagaan	<p>Pemohonan visa</p> <p>Permohonan visa baharu dan hanya terhad kepada mereka yang telah diberi kebenaran masuk melalui Entry Travel Pass.</p> <p>Sila hubungi melalui Aplikasi WhatsApp ke talian 7299550 semasa waktu bekerja.</p>

- 2.5 Manakala itu, perkhidmatan permohonan bagi penyambungan Pas Kerja, Penyambungan Pas Lawatan Sosial/Professional/Perniagaan, Kad Pengenalan Pintar dan permohonan baharu Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat adalah ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.
 - 2.6 Adalah dimaklumkan juga bahawa mana-mana Pas Imigresen yang mansuh dalam tempoh penutupan kaunter perkhidmatan dilaksanakan tidak akan dikenakan sebarang tindakan undang-undang.
3. Sebarang maklumat lanjut bolehlah diperolehi dengan melayari laman sesawang www.immigration.gov.bn. Kerjasama dan perhatian orang ramai adalah sangat-sangat diharapkan. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan juga ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

Sekian disampaikan.

**Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Rabu, 03 Muharram 1443H bersamaan 12 Ogos 2021M
Rujukan: 2/2021- COV19**